

PEKELILING NAIB CANSOLOR

Bilangan 13 Tahun 2022

PEKELILING PENGOPERASIAN AKADEMIK BERIKUTAN PELEPASAN PELAJAR INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI UNTUK PULANG MENGUNDI BAGI PILIHAN RAYA UMUM KE-15

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan implikasi melibatkan pengoperasian akademik berikutan arahan pelepasan pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) untuk pulang mengundi bagi Pilihan Raya Umum (PRU) Ke-15.

LATAR BELAKANG

2. Sepertimana sedia maklum, Pilihan Raya Umum Ke-15 telah ditetapkan pada 19 November 2022 (Sabtu) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melalui surat bertarikh 21 Oktober 2022 bernombor rujukan JPT(BMH)1000/01/02/035 Jld 2 (17) bersetuju supaya semua IPT memberi pelepasan kepada pelajar untuk pulang mengundi.
3. Tarikh pelepasan adalah dari 17 hingga 21 November 2022 bagi memberi tempoh yang cukup kepada pelajar untuk membuat perjalanan pergi dan balik ke/dari lokasi mengundi. Semua kelas dan aktiviti pelajar dalam tempoh tersebut hendaklah ditangguhkan dan diadakan pada suatu tarikh yang lain.

PELAKSANAAN

4. Kalendar Akademik Sesi 1 2022/2023 UiTM telah ditetapkan melalui Pekeliling Akademik Bil. 11 / 2022.

5. Berdasarkan kalendar akademik tersebut, tarikh cuti pertengahan semester / cuti khas perayaan adalah dikekalkan seperti yang telah ditetapkan pada 21-27 November 2022.

6. Pengoperasian akademik:
 - a. Bagaimanapun bagi membantu pergerakan pelajar untuk mengundi, kolej pengajian / fakulti / pusat akademik / UiTM Cawangan / PTJ dibenarkan memberi pelepasan kepada pelajar untuk perkuliahan dari 17 hingga 21 November 2022.
 - b. Bagi memastikan pengoperasian akademik tidak terganggu, penyampaian secara teradun atau penggantian kuliah boleh dilaksanakan bagi tarikh pelepasan perkuliahan berkenaan.
 - c. Namun, penyampaian secara hibrid boleh dilaksanakan untuk perkuliahan pada 14 hingga 16 November 2022.
 - d. Pelepasan kuliah pada 17-21 November 2022 ini terpakai bagi pelajar-pelajar yang berada di kampus.
 - e. Bagi pelajar-pelajar yang terlibat dengan latihan industri, adalah menjadi tanggungjawab pelajar untuk mendapatkan pelepasan dan kebenaran terlebih dahulu daripada pihak majikan sebelum pulang mengundi.

7. Pengoperasian pulang mengundi:
 - a. Bagi membantu memudahcara pergerakan pelajar untuk mengundi, kemudahan pengangkutan akan disediakan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar UiTM.
 - b. Perkhidmatan bas akan disediakan untuk menghantar pelajar ke terminal bas / lapangan terbang yang berhampiran.
 - c. Maklumat berkenaan perkhidmatan berkenaan akan disediakan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar di PTJ masing-masing.

8. Ketua PTJ hendaklah memanjangkan maklumat ini kepada semua pihak berkepentingan di kolej pengajian / fakulti / pusat akademik / UiTM Cawangan / PTJ masing-masing terutama bagi memastikan pengoperasian perkara-perkara tersebut dilaksanakan dengan baik.

PEKELILING BERKAITAN

9. Pekeliling ini perlu dibaca bersama dengan:
- a. Pekeliling Akademik Bil. 11 / 2022: Pindaan Kalendar Akademik dan Perkuliahan Bagi Sesi I 2022/2023.
 - b. Pekeliling Akademik Bil. 6 / 2022: Kalendar Sesi Akademik 2022 / 2023 Universiti Teknologi MARA.

TARIKH DIKELUARKAN


10. Pekeliling dikeluarkan pada 27 Oktober 2022.

TARIKH KUAT KUASA

11. Pekeliling ini berkuat kuasa pada 27 Oktober 2022.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(PROFESOR DATUK **Ts. DR. HAJAH ROZIAH MOHD JANOR**)
Naib Canselor

Dikelilingkan Kepada:

- Majlis Eksekutif Universiti
- Semua Penolong Naib Canselor
- Semua Dekan Kolej Pengajian / Fakulti / Akademi / Institut
- Semua Rektor UiTM Cawangan
- Semua Pengarah Pusat
- Semua Ketua Bahagian / Jabatan / Pusat / Unit

Bil. Fail : 100-HEA (6/4)
No. Siri : 100-UiTM (NC/2) 13/2022